

07 NOV 2002

Mahathir-SNAP

SNAP PERLU DIPULIH DENGAN MEMBENTUK PARTI BARU, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), yang dibatalkan pendaftarannya, perlu dipulihkan dengan membentuk parti baru.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) sedia menimbang kemasukan parti baru itu sekiranya ada permohonan dibuat.

Ketika ini SNAP tidak ada dalam BN dan penubuhan parti baru itu tidak sepatutnya ditentang, kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan model baru kereta nasional Proton Waja 1.8 dan Proton Arena 1.5 di Dataran Putra di sini hari ini.

Apabila ditanya sama ada BN bersedia menerima kemungkinan dua parti baru yang ditubuhkan dari kalangan bekas pemimpin SNAP, beliau berkata: "Kita perlu menilainya nanti."

Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengumumkan Selasa lepas mengenai pembatalan pendaftaran SNAP berikutan kegagalan pemimpin yang bertelagah menyelesaikan masalah dalam parti yang berlarutan sejak April tahun ini.

SNAP, yang ditubuhkan pada tahun 1961, merupakan satu daripada empat anggota BN di Sarawak selain Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Ia mempunyai empat anggota Parlimen termasuk Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Dr Tiki Lafe dan enam anggota dewan undangan negeri (ADUN) Sarawak.

BN Sarawak yang bermesyuarat semalam membuat keputusan membenarkan anggota Parlimen dan ADUN dari SNAP itu menyertai tiga parti komponen yang lain sebagai anggota sementara ketika menunggu keputusan rayuan atau kelulusan penubuhan parti baru.

Satu kumpulan bekas pemimpin SNAP diketuai oleh Datuk William Mawan anak Ikom, yang juga Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan negeri, sudah memohon kepada ROS untuk menubuhkan parti baru, Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP).

Dua hari lepas, Presiden SNAP Datuk Amar James Wong menyatakan beliau sedang menimbang sama ada akan merayu kepada Menteri Dalam Negeri atau merujuk kepada mahkamah mengenai keputusan ROS membatalkan pendaftaran parti itu.

-- BERNAMA

RZS AZZ NMO